



UNIVERSITI  
MALAYA

# GARIS PANDUAN

**PERTUKARAN TARAF PENCALONAN  
DARIPADA PROGRAM SARJANA  
SECARA PENYELIDIKAN KE PROGRAM  
KEDOKTORAN SECARA PENYELIDIKAN**



+

**2025**

Versi 1

Jabatan Perancangan Strategik Akademik  
*Academic Strategic Planning Department*

Hak Cipta Terpelihara

---

Pusat Polisi Akademik  
Jabatan Perancangan Strategik Akademik  
Email: [bpa\\_asp-list@um.edu.my](mailto:bpa_asp-list@um.edu.my)

## SEJARAH DOKUMEN

BIL.	VERSI	REKOD PINDAAN	SENAT	TARIKH KUAT KUASA
1.	1	Pengemaskinian merangkumi ketetapan merujuk kepada Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi, MQA (2009 - 2020) Edisi Ketiga (2021) khususnya berkenaan tempoh permohonan calon disingkatkan dari 15 bulan kepada 12 bulan & dipanjangkan juga kepada calon sepenuh masa dengan tempoh permohonan kepada 24 bulan.	27.02.2025	Sehari selepas tarikh mesyuarat Senat

## JADUAL ISI KANDUNGAN

<b>BIL. PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>2 SYARAT DAN KEPERLUAN PERTUKARAN TARAF PENCALONAN DARIPADA PROGRAM SARJANA SECARA PENYELIDIKAN KE PROGRAM KEDOKTORAN SECARA PENYELIDIKAN</b>	<b>1</b>
<b>3 PROSES PERMOHONAN</b>	<b>2</b>
<b>4 PENUTUP</b>	<b>3</b>
<b>5 LAMPIRAN</b>	
Lampiran 1	4
Lampiran 2	7
Lampiran 3	11

## 1. PENGENALAN

Garis panduan pertukaran taraf pencalonan daripada program Sarjana secara penyelidikan ke program Kedoktoran secara penyelidikan adalah bertujuan untuk penyeragaman pelaksanaan di Pusat Tanggungjawab (PTj). Garis panduan ini juga mengandungi format laporan dan penilaian penukaran taraf pencalonan daripada program Sarjana secara penyelidikan ke program Kedoktoran secara penyelidikan.

## 2. SYARAT DAN KEPERLUAN PERTUKARAN TARAF PENCALONAN DARIPADA PROGRAM SARJANA SECARA PENYELIDIKAN KE PROGRAM KEDOKTORAN SECARA PENYELIDIKAN

- (1) Calon program Sarjana secara penyelidikan boleh dipertimbangkan untuk pertukaran taraf pencalonannya kepada program Kedoktoran secara penyelidikan tertakluk kepada syarat berikut:
  - (a) tempoh permohonan pertukaran taraf pencalonan hendaklah dibuat dalam tempoh:
    - (i) satu (1) tahun bagi calon sepenuh masa; dan
    - (ii) dua (2) tahun bagi calon separuh masa;dari tarikh permulaan pendaftaran program pengajian Sarjananya.
  - (b) calon telah lulus kursus Kaedah Penyelidikan;
  - (c) mengemukakan permohonan bertulis kepada Dekan Fakulti yang mengandungi laporan Penyelia dan Ketua Jabatan berserta dokumen sokongan dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 1**;
  - (d) menyerahkan satu (1) laporan penyelidikan yang tidak melebihi 6000 patah perkataan mengenai:
    - (i) Pengenalan dan skop penyelidikan;
    - (ii) Objektif penyelidikan;
    - (iii) Kaedah penyelidikan;
    - (iv) Rancangan penyelidikan yang membawa ke peringkat program Kedoktoran;
  - (e) mengemukakan hasil penyelidikan sepanjang tempoh pengajian program Sarjana iaitu:
    - (i) satu pembentangan seminar di peringkat Universiti, kebangsaan atau antarabangsa; dan
    - (ii) satu hasil penyelidikan yang diterima untuk penerbitan berdasarkan ketetapan Universiti;

ATAU

- (iii) satu permohonan paten yang sedang menunggu kelulusan (*patent pending*) atau telah diluluskan dan satu pembentangan seminar di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.
- (2) Calon perlu membentangkan hasil penyelidikannya dalam satu (1) seminar di hadapan panel penilai yang terdiri daripada dua (2) orang pakar dari dalam atau luar Universiti dalam bidang berkaitan sepertimana yang ditetapkan oleh PTj.
- (3) Tempoh pencalonan ijazah Sarjana diambil kira dalam tempoh pengajian program Kedoktoran secara penyelidikan.
- (4) Calon yang diluluskan penukaran taraf pencalonan dikehendaki mendaftar bagi program Kedoktoran secara penyelidikan tidak melewati minggu kuliah kedua semester berikutnya.
- (5) Calon yang diluluskan penukaran taraf pencalonan tidak perlu mengambil semula kursus Kaedah Penyelidikan di peringkat program Kedoktoran secara penyelidikan.
- (6) Calon yang diluluskan penukaran taraf pencalonan hendaklah memenuhi keperluan syarat pengijazahan termasuk syarat penerbitan bagi program Kedoktoran secara penyelidikan.

### 3. PROSES PERMOHONAN

- (1) Calon perlu mengemukakan borang permohonan seperti di **Lampiran 1** kepada Penyelia.
- (2) Satu (1) Panel Penilai yang dilantik oleh PTj akan menilai permohonan calon yang diperakukan untuk penukaran taraf pencalonan.
- (3) Panel yang dilantik akan menilai dua (2) aspek berikut:
  - (a) laporan penyelidikan untuk penukaran taraf, dan
  - (b) pembentangan seminar untuk penukaran taraf pencalonan.

Format penilaian bagi laporan penyelidikan dan pembentangan seminar untuk penukaran taraf pencalonan adalah seperti di **Lampiran 2**.

- (7) Calon perlu membuat pembentangan hasil penyelidikan di hadapan Panel Penilai seboleh-bolehnya dalam masa sebulan daripada tarikh permohonan penukaran taraf pencalonan taraf yang memenuhi syarat subperuntukan 2(1)(a)-(e) diterima daripada calon.
- (5) PTj perlu mengemukakan laporan Panel Penilai (Lampiran 2) untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat PTj dan Senat.
- (6) Calon yang diluluskan penukaran taraf oleh Senat perlu mendaftar sebagai calon program Kedoktoran secara penyelidikan pada semester berikutnya.

#### 4. PENUTUP

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada staf akademik dan Pentadbir PTj dalam proses pertukaran taraf pencalonan daripada program Sarjana secara penyelidikan ke program Kedoktoran secara penyelidikan. Ia bertujuan untuk menjamin kualiti dan memastikan keselarasan proses di setiap PTj. Garis panduan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) (versi terkini) dan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) (versi terkini).

Jadual *Graduate on Time* bagi calon yang telah diluluskan pertukaran taraf pencalonan daripada program Sarjana secara penyelidikan ke program Kedoktoran secara penyelidikan secara adalah seperti di **Lampiran 3**.

Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 1

**BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN TARAF PENCALONAN DARIPADA PROGRAM SARJANA SECARA PENYELIDIKAN KE PROGRAM KEDOKTORAN SECARA PENYELIDIKAN**

**BAHAGIAN A: UNTUK DIISI OLEH CALON**

<b>Nama:</b>			
<b>No. Pendaftaran:</b>			
<b>Program:</b>			
<b>Jabatan/Fakulti:</b>			
<b>Tarikh Mula Mendaftar:</b>			
<b>Tandatangan:</b>		<b>Tarikh:</b>	

**CALON DIKEHENDAKI MELAMPIRKAN DOKUMEN SOKONGAN BERIKUT:**

<b>No.</b>	<b>Perkara</b>
1	Salinan keputusan Kursus Kaedah Penyelidikan
2	Laporan Penyelidikan tidak melebihi 6,000 patah perkataan yang mengandungi: (1) Pengenalan dan skop penyelidikan, (2) Objektif penyelidikan (3) Kaedah penyelidikan (4) Rancangan penyelidikan yang membawa ke peringkat Kedoktoran ('Gantt Chart' penyelidikan).
3	Salinan hasil penyelidikan yang berkaitan seperti di bawah: (1) satu pembentangan seminar di peringkat Universiti atau kebangsaan atau antarabangsa; dan  (2) Satu hasil penyelidikan yang diterima untuk penerbitan berdasarkan ketetapan Universiti;  ATAU  (3) satu permohonan paten yang sedang menunggu kelulusan ( <i>patent pending</i> ) atau telah diluluskan dan satu pembentangan seminar di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

\*Nota: Calon perlu mengemukakan borang yang telah dilengkapi kepada penyelia.

**SULIT**

**BAHAGIAN B: PERAKUAN PENYELIA (SILA TANDAKAN (√) YANG BERKENAAN)**

**1. PENGESAHAN PENYELIA**

Dengan ini, saya mengesahkan yang berikut:

(1) Maklumat yang disertakan oleh calon adalah lengkap dan benar.	( ) Ya	( ) Tidak
(2) Laporan kemajuan calon adalah memuaskan.	( ) Ya	( ) Tidak
Jika tidak memuaskan, sila nyatakan sebab:		

**2. PERAKUAN PENYELIA**

Perakuan permohonan calon untuk pertukaran pencalonan dari program Sarjana secara penyelidikan ke program Kedoktoran secara penyelidikan.

<b>Penyelia 1 (Nama)</b>	( ) Disokong	( ) Tidak disokong	Tandatangan:
Sekiranya permohonan tidak disokong, sila nyatakan justifikasi:			Tarikh:
<b>Penyelia 2 (Nama)</b>	( ) Disokong	( ) Tidak disokong	Tandatangan:
Sekiranya permohonan tidak disokong, sila nyatakan justifikasi:			Tarikh:
<b>Penyelia 3 (Nama)</b>	( ) Disokong	( ) Tidak disokong	Tandatangan:
Sekiranya permohonan tidak disokong, sila nyatakan justifikasi:			Tarikh:

\*Nota:

1. Laporan tambahan boleh dilampirkan (jika perlu)
2. Penyelia perlu mengemukakan borang yang telah dilengkapkan kepada Ketua Jabatan atau Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi) [yang mana berkenaan].

**SULIT**

**BAHAGIAN C: PERAKUAN KETUA JABATAN (JIKA BERKENAAN)**

Catatan:	<input type="checkbox"/> Calon memenuhi syarat dan permohonan disokong. <input type="checkbox"/> Permohonan tidak disokong.		
Nama:	Tandatangan:	Tarikh:	

*(Sila tandakan (√) yang berkenaan)*

**BAHAGIAN D: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT TIMBALAN DEKAN (IJAZAH TINGGI)**

Catatan:	<input type="checkbox"/> Permohonan diterima <input type="checkbox"/> Permohonan ditolak		
----------	---	--	--

*(Sila tandakan (√) yang berkenaan)*

Nama:	Tandatangan:	Tarikh:	
-------	--------------	---------	--

**LAMPIRAN 2**

**BORANG PENILAIAN LAPORAN PENYELIDIKAN DAN SEMINAR UNTUK  
PERTUKARAN TARAF PENCALONAN DARIPADA PROGRAM SARJANA SECARA  
PENYELIDIKAN KE PROGRAM KEDOKTORAN SECARA PENYELIDIKAN**

**Nota kepada Panel Penilai:** Sila isikan penilaian anda dan serahkan borang kepada urusetia seminar pada akhir mesyuarat.

---

**MAKLUMAT CALON** (*disediakan oleh urusetia*)

Nama : \_\_\_\_\_  
Program : \_\_\_\_\_  
Bidang Penyelidikan : \_\_\_\_\_  
Tarikh Sesi Seminar Pertukaran : \_\_\_\_\_  
Taraf : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN A: PENILAIAN DOKUMENTASI**

**1. Penilaian Dokumentasi (sila guna lampiran jika perlu)**

(1) Pernyataan tentang pengenalan dan skop penyelidikan

---

---

---

(2) Tahap Kemajuan Kerja Semasa (diperingkat Sarjana)

(a) Pencapaian Objektif Penyelidikan

---

---

---

(b) Hasil Dapatan (telah mencapai sekurang-kurangnya 80% Objektif Penyelidikan hasil kerja program Sarjana.

---

---

---

- (3) Kaedah Penyelidikan (pertimbangan harus diberi kepada teknik penyelidikan yang dijalankan dan kepada luasnya skop kerja yang terlibat contohnya dari segi kerja luar, kerja makmal, temuduga, penyelidikan perpustakaan serta kepada bukti tentang jumlah data yang terkumpul).
- 
- 
- 

- (4) Rancangan Penyelidikan yang membawa ke peringkat Kedoktoran secara penyelidikan (pertimbangan harus diberi kepada kejelasan dan kesediaan calon untuk memperluaskan penyelidikan yang sedang dijalankan). *Gantt Chart* penyelidikan yang jelas perlu disertakan.
- 
- 
- 

**2. Penghasilan penyelidikan sepanjang pengajian program Sarjana (bagi yang berkenaan):**

- (1) satu hasil penyelidikan yang diterima untuk penerbitan dan satu pembentangan seminar di peringkat Universiti.
- 
- 
- 

ATAU

- (2) satu permohonan paten yang sedang menunggu kelulusan (*patent pending*) atau telah diluluskan dan satu pembentangan seminar di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.
- 
- 
-

**SULIT**

**BAHAGIAN B: PENILAIAN PEMBENTANGAN (dilengkapkan semasa seminar penukaran taraf pencalonan)**

**1. Pembentangan Calon**

- (1) Calon berupaya mempertahankan bagaimana penyelidikan yang dijalankan dapat diperluaskan ke peringkat program Kedoktoran secara penyelidikan.

---

---

---

---

---

---

---

---

- (2) Kemahiran komunikasi (calon berupaya memberi maklum balas tentang semua persoalan yang diutarakan)

---

---

---

---

---

---

---

---

- (3) Calon mempunyai potensi melaksanakan penyelidikan bertaraf Kedoktoran secara penyelidikan.

---

---

---

---

---

---

---

---

**2. Ulasan keseluruhan:**

---

---

---

---

---

---

---

---

### 3. Perakuan

(Sila tanda '✓' pada kotak yang berkenaan)

Calon telah memenuhi keperluan untuk dibenarkan menukar taraf pencalonan ke program Kedoktoran.

Calon tidak memenuhi keperluan untuk penukaran taraf pencalonan dan kekal di dalam program ijazah Sarjana.

Nama Penilai : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

LAMPIRAN 3

Jadual Graduasi Tepat Pada Masa - Calon Sepenuh Masa

Pentadbiran Utamadan Peraturan Utama bagi Penukaran dari Ijazah Sarjana melalui Penyelidikan kepada Ijazah Kedoktoran melalui Penyelidikan

Sem.	Aktiviti	Hasil/Pencapaian
1#	Mendaftar Kursus Metodologi Penyelidikan dan kursus lain seperti dalam SPI*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelesaikan kursus Metodologi Penyelidikan</li> <li>Memenuhi keperluan syarat bahasa</li> </ul>
	Menghadiri kursus Bahasa Melayu**	
	Menghadiri kursus Bahasa Inggeris***	
	Melaksanakan kajian literatur	
	Persiapan untuk Pertahanan Cadangan	
	Menghadiri program peningkatan kemahiran oleh Fakulti – membiasakan diri dengan perisian pengurusan rujukan, <i>Turnitin</i> , perisian penyuntingan, analisis data dan alat penyelidikan.	
2	Memperluaskan bahagian Pengenalan dalam cadangan sebagai draf Bab 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian Literatur</li> <li>Rancangan Tesis/Rangka Tesis</li> </ul>
	Menyiapkan kajian literatur	
	Menjalankan kajian perintis / merancang & menyediakan eksperimen / memulakan pengumpulan data	
	Membentangkan Pertahanan Cadangan	
	Menghadiri program peningkatan kemahiran oleh Fakulti	
3@	Penyiasatan dan pembangunan penyelesaian yang dicadangkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyerahan penerbitan pertama+</li> </ul>
	Analisis data	
	Penyediaan manuskrip untuk penghantaran penerbitan	
	Penulisan laporan untuk Seminar Penukaran	
	Membentangkan Seminar Penukaran	
	Menghadiri program peningkatan kemahiran oleh Fakulti	
4	Eksperimen dan/atau analisis data	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyerahan penerbitan kedua+</li> <li>Menyelesaikan draf tiga bab</li> </ul>
	Penulisan tesis (Bab 1 - 3)	
	Persediaan untuk Pertahanan Status Calon	
	Penyediaan manuskrip untuk penyerahan penerbitan	
	Menghadiri program peningkatan kemahiran oleh Fakulti	
5	Menyelesaikan penulisan tesis bagi bab yang selebihnya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyiapkan draf tesis</li> </ul>
	Pembentangan Pertahanan Status Calon	
	Mengemukakan notis kepada Penyelia untuk penyerahan tesis	
	Persediaan untuk Seminar Tesis	
6	Pembentangan Seminar Tesis	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyerahan tesis</li> <li>Menyelesaikan <i>viva voce</i></li> </ul>
	Memuktamadkan dan menghantar tesis	
	Persediaan untuk <i>viva voce</i>	

**Nota:**

- # Calon berdaftar dalam program Sarjana melalui Penyelidikan.
- \* SPI merujuk kepada Struktur Program Pengajian dan terpakai kepada calon Mod Campuran, Kerja Kursus, dan Klinikal.
- \*\* Terpakai kepada semua calon antarabangsa.
- \*\*\* Terpakai kepada calon antarabangsa yang menulis tesis mereka dalam bahasa selain Bahasa Inggeris.
- @ Calon akan berdaftar dalam program Kedoktoran melalui Penyelidikan pada semester berikutnya selepas mendapat kelulusan Senat. Calon yang tidak berjaya dalam seminar penukaran akan meneruskan program Sarjana.
- + Rujuk keperluan penerbitan mengikut program pengajian (Sains dan bukan Sains)



UNIVERSITI  
MALAYA

**Pusat Polisi Akademik (PPA)**

Jabatan Perancangan Strategik Akademik (ASPD)  
Universiti Malaya